

Swasta perlu aktif juga pertumbuhan ekonomi negara

UM 11 DEC 2002

KOTA BHARU 10 Dis. Sektor swasta disaran supaya memainkan peranan yang lebih aktif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dengan cara meningkatkan pelaburan domestik.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, kini tiba masanya bagi sektor swasta kembali memainkan peranan menjana pertumbuhan ekonomi negara sebagaimana dilakukan dari tahun 1988 hingga 1997.

Katanya, kerajaan telah menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi selama lima tahun semasa negara mengalami krisis ekonomi sebelum ini.

"Oleh sebab itu kini telah tiba masanya sektor swasta secara perlahan-lahan mengambil alih peranan itu yang pernah mereka lakukan dalam tempoh 1988 hingga 1997," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan majlis Malam Usahawan Kelantan 2002 anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Kelantan di sini malam tadi.

Yang Dipertua DPMM Kelantan, Nik Ab. Rahman Nik Taib hadir sama pada majlis yang diadakan setiap tahun itu.

Mustapa berkata, kerajaan telah pun membuat ketetapan betapa perlunya usa-

ha untuk mencari sumber pertumbuhan baru dengan menggerakkan sumber pelaburan domestik melibatkan peranan sektor swasta.

"Kita masih lagi memerlukan pelaburan asing tetapi kita tidak perlu terlalu bergantung kepada mereka, jadi kita perlu mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan dalam konteks ini sektor swasta memainkan peranan penting," tegasnya.

Beliau berkata, bagi merangsangkan pelaburan domestik itu, kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif yang menarik sebagaimana terkandung dalam Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Insentif

Katanya, dalam menggalakkan pelaburan domestik itu, potensi industri kecil dan sederhana (IKS) belum dieksploitasi sepenuhnya dan kerajaan telah menubuhkan beberapa institusi untuk membantu sektor swasta.

Sehubungan itu beliau meminta Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di seluruh negara memainkan peranan aktif membantu anggotanya memajukan perniagaan yang dilaksanakan.